

Oleh PDD

Isnin, 06 Agustus 2018 08:31 - Terakhir Diupdate Isnin, 06 Agustus 2018 08:36

Dungun- Kerajaan Pas yang meneruskan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan kampung (J3K) sebagai teras kepimpinan di peringkat akar umbi mengingatkan mereka yang baharu menerima tanggungjawab itu agar tidak mengkhianati amanah dan dinasihatkan agar tidak lupa diri supaya usaha kerajaan menjadikan negeri Terengganu sebuah negeri yang Maju, Berkat Dan Sejahtera berjaya dicapai.

Majlis tersebut telah disempurnakan perasmianya oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi Negeri Terengganu, merangkap ADUN Paka, YB Haji Satiful Bahari bin Mamat. turut serata ADUN Sura YB Haji Wan Hapandi bin Wan Nik ,

Seterusnya menarik perhatian, kerajaan negeri turut mengambil inisiatif menyalurkan elaun sebanyak RM300 sebulan kepada bendahari MPKK berbanding RM650 setahun sebelum ini.

Menurutnya, manakala elaun bagi pengerusi dan setiausaha masih sama dengan sebahagiannya disalurkan oleh kerajaan Pusat dan sebahagian lagi oleh kerajaan negeri.

Jelas beliau, setiap pengerusi institusi itu menerima RM500 sebulan daripada kerajaan Pusat dan RM400 daripada kerajaan negeri manakala bagi setiausaha pula menerima RM300 sebulan daripada kerajaan Pusat dan RM200 daripada kerajaan negeri.

"Maknanya elaun bagi pengerusi dan setiausaha kekal macam sebelumnya, cuma yang berbeza adalah elaun bendahari, kalau sebelum ini mereka terima RM650 setahun tapi di bawah kerajaan Terengganu baharu ini, bendahari terima RM300 sebulan," katanya

"Had umur bagi pengerusi ditetapkan kepada 69 tahun dan 55 tahun bagi jawatankuasa lain. Ada kampung memerlukan individu tertentu untuk pimpin, dikira masih layak dan terbaik meskipun usia sudah melewati 69 tahun.

Normal 0 21 false false false EN-MY X-NONE X-NONE

/* Style Definitions */

table.MsoNormalTable {mso-style-name:"Table Normal"; mso-tstyle-rowband-size:0; mso-tstyle-colband-size:0; mso-style-noshow:yes; mso-style-priority:99; mso-style-parent:""; mso-padding-alt:0cm 5.4pt 0cm 5.4pt; mso-para-margin-top:0cm; mso-para-margin-right:0cm; mso-para-margin-bottom:10.0pt; mso-para-margin-left:0cm; line-height:115%; mso-pagination:widow-orphan; font-size:11.0pt; font-family:"Calibri","sans-serif"; mso-ascii-font-family:Calibri; mso-ascii-theme-font:minor-latin; mso-hansi-font-family:Calibri; mso-hansi-theme-font:minor-latin; mso-bidi-font-family:"Times New Roman"; mso-bidi-theme-font:minor-bidi; mso-ansi-language:EN-MY; mso-fareast-language:EN-US;}

Seramai 404 orang (101 J3K) yang baharu bagi Parlimen Dungun menerima watakah pelantikan mereka yang turut dihadiri oleh pengerusi dan ahli jawatankuasa masing-masing.